

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan:

Soalan 19

Nyatakan kesan (+RM / -RM) terhadap persamaan perakaunan yang diperluaskan (aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja) bagi urus niaga berikut. Jawapan (a) diberikan sebagai contoh.

Urus niaga		Kesan ke atas				
		Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)	Hasil (RM)	Belanja (RM)
a	Memulakan perniagaan dengan tunai RM10,000	+10,000		+10,000		
b	Mendapatkan pinjaman dari bapa saudara RM5,000 cek					
c	Menyewa pejabat dengan membayar sewa secara tunai RM600					
d	Membeli computer secara tunai RM1,500					
e	Memasukkan tunai ke dalam akaun bank RM7,500					
f	Membayar pembersih pejabat secara tunai RM200					
g	Membeli perabot pejabat secara kredit RM3,400					
h	Membeli insurans pejabat secara cek RM100					
i	Beli alatulis secara tunai RM150					
j	Beli barang niaga secara tunai RM300					
k	Beli barang niaga secara kredit RM1,600					
l	Bayar angkutan masuk untuk belian kredit secara tunai RM50					
m	Jualan tunai RM800. Kos asal adalah RM500					
n	Bayar pemiutang secara cek RM800					
o	Jualan kredit berjumlah RM1,800. Kos asal adalah RM1,200					
p	Bayar gaji pekerja secara cek RM800					